



Fadzlena menerima **Anugerah Rakan Sukan MASISWA** daripada Ahmad Shapawi di Bangi, malam tadi.

BH terima Anugerah Rakan Sukan MASISWA

Bangi: BH menerima Anugerah Rakan Sukan Majlis Sukan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Malaysia (MASISWA) bersempena dengan Anugerah Sukan MASISWA, di sini malam tadi.

BH yang menjadi penerima pertama anugerah itu diwakili Pengarang Pendidikan, Fadzlena Jafar dan diberi pengiktirafan berkenaan berdasar-

kan komitmen diberikan dalam memberi liputan mengenai MASISWA sepanjang tahun lalu.

Malah laporan yang disiaran BH diakui banyak membantu dalam pembangunan sukan negara.

Dalam majlis itu dua atlet renang Universiti Taylors, Shaun Yap Kah Choon dan Khoo Cai Lin dinobatkan se-

bagai Olahragawan dan Olahragawati MASISWA 2014 atas pencapaian mereka hingga ke peringkat antarabangsa.

Pembangunan sukan

Anugerah kategori berpasukan, di dominasi Universiti Teknologi PETRONAS apabila menggondol tiga anugerah iaitu Anugerah Pasukan Ter-

baik Lelaki (ragbi), Anugerah Pasukan Wanita Terbaik (bola jaring) dan Anugerah Pasukan Harapan Lelaki Terbaik.

Anugerah Tokoh Sukan MASISWA diraih Naib Canselor Universiti Putra Malaysia, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramli atas sumbangan beliau dalam pembangunan sukan universiti tempatan.

Majlis sukan IPTS itu disempurnakan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, Datuk Ahmad Shapawi Ismail. Yang turut hadir ialah Presiden MASISWA, Prof Dr Kamal Nasharuddin Mustapha. - **Oleh Basir Zahrom**